



**PERUTUSAN
PENGARAH PENDIDIKAN PAHANG**

**SEMPENA
SAMBUTAN PERINGATAN HARI ANTIDADAH
KEBANGSAAN**

19 FEBRUARI 2017

TERBITAN

UNIT PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH
SEKTOR PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN
JABATAN PENDIDIKAN PAHANG

JAN 2017

PERUTUSAN
PENGARAH PENDIDIKAN PAHANG
SEMPENA
PERINGATAN HARI ANTIDADAH KEBANGSAAN
19 FEBRUARI 2017

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah kurnia-Nya maka dapat kita berhimpun bagi mengadakan Sambutan Peringatan Hari Antidadah Peringkat Kebangsaan tahun 2017. Setiap tahun, pada tarikh **19 Februari**, kita mengadakan sambutan ini untuk menunjukkan iltizam memerangi gejala dadah daripada terus berleluasa dan mengancam kehidupan masyarakat serta anak-anak kita khususnya yang berada di bangku sekolah. Komitmen untuk membendung gejala dadah ini perlu diteruskan bagi memastikan bangsa dan negara bebas daripada musuh nombor satu ini.
2. Sempena **Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan** pada tahun ini, saya ingin menyeru semua pihak khususnya sekolah-sekolah di Negeri Pahang supaya merancang dan menjalankan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di premis masing-masing. Pihak sekolah disarankan mengguna-pakai garis panduan yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia Malaysia dalam pelaksanaan program pendidikan

pencegahan di sekolah. Sehubungan itu, tumpuan hendaklah diberikan kepada usaha memberi pengetahuan dan kemahiran pendidikan pencegahan dadah kepada semua murid. Sementara itu, bagi murid-murid yang dikenalpasti terlibat mengguna dadah, mereka hendaklah diberikan bimbingan dan intervensi secara intensif sehingga pulih sepenuhnya daripada pengaruh dadah. Semoga segala usaha yang dilaksanakan oleh kita semua akan dapat merealisasikan hasrat kerajaan iaitu menjadikan institusi pendidikan khususnya sekolah benar-benar bebas daripada pengaruh dan ancaman dadah.

Tuan-tuan/puan-puan, guru-guru serta murid-murid sekalian,

3. Matlamat program Pendidikan Pencegahan Dadah di sekolah adalah bertujuan memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada murid, guru, kakitangan pendidikan dan ibu bapa tentang bahaya dadah. Pelbagai aktiviti perlu dirancang dan dilaksanakan dengan baik bagi memastikan warga sekolah berusaha menjauhi ancaman dadah. Saya sedar tugas dan tanggungjawab memerangi masalah dadah ini amat berat dan mencabar. Oleh itu, penglibatan dan kerjasama daripada pelbagai agensi harus dipertingkatkan dari masa ke semasa. Saya yakin dengan kerjasama daripada semua pihak agenda membebaskan sekolah daripada ancaman dadah akan terus terlaksana dan sudah pasti murid-murid yang kita bentuk di sekolah pada hari ini akan mampu mengguna

pakai ilmu yang diperolehi ini buat selama-lamanya walaupun setelah tamat alam persekolahan nanti.

4. Oleh yang demikian, usaha mencegah penggunaan dadah dalam kalangan murid mestilah dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti yang berfokus kepada pembinaan jati diri dan sahsiah murid. Melalui pendekatan ini, diharapkan akan terbinalah disiplin sendiri yang kental dan budi pekerti mulia serta terpuji dalam diri setiap murid. Semua murid perlu diberikan pengetahuan mengenai bahaya dadah secara berterusan dari masa ke semasa. Ilmu pengetahuan mengenai bahaya dadah ini haruslah kekal di dalam diri murid-murid bukan sahaja ketika di alam persekolahan tetapi juga setelah tamat persekolahan.
5. Faktor utama yang menentukan kejayaan Program Pendidikan Pencegahan Dadah adalah bergantung kepada kerjasama dan komitmen semua pihak, guru-guru, ibu bapa dan murid-murid sendiri termasuklah komuniti yang terlibat dengan sekolah. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendidikan pencegahan dadah bukan sahaja bermatlamat membanteras penggunaan dadah tetapi turut membuka peluang kepada murid-murid untuk menonjolkan bakat dan potensi diri masing-masing melalui pelbagai aktiviti yang disediakan.

Tuan-tuan/puan-puan, guru-guru serta murid-murid sekalian,

6. Ancaman dadah kepada murid-murid merupakan satu cabaran yang perlu ditangani secara bersungguh-sungguh demi melonjakkan sistem pendidikan negara supaya dapat berada sebaris dengan negara maju yang lain. Ia selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025, menerusi anjakan ke – 3 iaitu bagi melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai dan anjakan ke – 10 dalam memberi tumpuan kepada kemenjadian dan keberhasilan murid bagi memastikan setiap murid mencapai potensi sepenuhnya.
7. Perkara yang amat membimbangkan kita semua adalah apabila murid-murid tidak mendapat maklumat yang tepat dan betul. Mereka boleh terdedah dengan ledakan maklumat yang mudah diakses melalui pelbagai peranti dan laman sosial selain daripada rakan sebaya mereka sendiri. Hasil analisis ujian urin yang dijalankan pada **tahun 2016** menunjukkan **84 orang (2.09 %)** daripada **4017** murid sekolah menengah yang diuji didapati positif mengandungi bahan terlarang khususnya dadah. Walaupun berlaku penurunan kes berbanding tahun sebelumnya, namun penglibatan murid dengan kes dadah ini tidak harus dipandang ringan. Ini kerana '**trend**' penggunaan dadah sintetik seperti **methamphetamine** dan **amphetamine** dalam kalangan mereka didapati agak serius.
8. Oleh itu, bagi mengekang gejala tersebut, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif menjalinkan kerjasama dengan Agensi

Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PDRM, FELDA dan agensi lain bagi memastikan pencegahan awal dapat dibuat bagi memastikan semua murid benar- benar terhindar daripada sebarang bentuk penagihan sama ada rokok, vape, inhalan, dadah dan sebagainya. Sebagai contoh, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan **Program IM Free** bermula pada tahun ini, khusus untuk mencegah penagihan rokok di peringkat sekolah rendah lagi. Usaha pencegahan ini mesti dilaksanakan secara bersungguh-sungguh bukan sahaja melibatkan pihak sekolah malah yang lebih penting adalah para ibu bapa dan masyarakat sekitarnya.

9. Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua pihak dapat meningkatkan usaha secara berterusan dan berkesan dalam memberikan pendidikan pencegahan awal kepada semua murid. Saya percaya bahawa usaha-usaha tersebut mampu membimbing mereka untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala penggunaan dadah. Pencegahan penggunaan dadah dan bahan terlarang yang lain dalam kalangan murid sekolah mempunyai kaitan rapat dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri untuk meningkatkan lagi taraf dan kualiti pendidikan di negara yang kita cintai ini. Sesungguhnya, murid-murid hari ini adalah aset masa depan negara. Justeru itu, mereka perlu memiliki kualiti tinggi dalam aspek pemikiran analitik, kritis, kreatif dan seterusnya mampu

membuat keputusan dan menyelesaikan pelbagai masalah. Usaha ini sudah tentu akan terjejas sekiranya mereka mula terlibat dengan gejala negatif khususnya penagihan dadah.

Tuan-tuan/puan-puan, guru guru dan murid-murid sekalian,

10. Saya menyeru para guru agar dapat memainkan peranan yang lebih bagi memastikan anak-anak didik kita tidak terlibat dengan gejala yang tidak sihat ini. Walau bagaimanapun sekiranya ada yang terlibat, mereka haruslah diberi bimbingan dan dipulihkan secepat mungkin bagi mengelakkan ia menjadi semakin parah.
11. Kita tidak boleh membiarkan masalah dadah menggugat proses pembelajaran, keselamatan dan kesejahteraan murid-murid ketika di sekolah. Justeru itu, pihak sekolah perlu mengenal pasti tanda-tanda awal yang boleh menjadi penyebab murid-murid terpengaruh dengan dadah. Gejala ponteng, merokok dan tidak fokus dalam sesi pembelajaran adalah merupakan antara faktor risiko yang perlu dibanteras sebaik sahaja ia dikesan. Tidak dinafikan, ibu bapalah yang berperanan besar dalam mencegah dan membimbing anak-anak daripada terjerumus ke kancap penagihan dadah. Oleh yang demikian, pihak sekolah dan ibu bapa khususnya melalui PIBG mestilah bekerjasama bagi memastikan anak-anak kita benar-benar selamat daripada najis dadah.

Tuan-tuan/puan-puan, guru-guru dan murid-murid sekalian,

12. Akhir kata, sekali lagi saya menyeru kepada semua warga sekolah, guru-guru dan murid-murid agar sentiasa berusaha mengekang pengaruh dadah daripada mengancam diri kita. Marilah kita berganding bahu membimbing anak-anak kita agar mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang kesan dan akibat penggunaan dadah bukan sahaja kepada diri mereka malah terhadap kerukunan institusi keluarga, agama, bangsa dan negara.

'Hidup Sejahtera Tanpa Dadah'

Sekian, terima kasih.



DATO' HJ ROSDI BIN ISMAIL
Pengarah Pendidikan Pahang